

**ANALISIS KONTRASTIF DARIPADA ASPEK FONOLOGI ANTARA
BAHASA JEPUN DAN BAHASA MANDARIN DALAM SEBUTAN NOMBOR**

**(CONTRASTIVE ANALYSIS OF PHONOLOGICAL ASPECT IN NUMBER
ARTICULATION IN JAPANESE AND MANDARIN LANGUAGE)**

Kang Mei Feng¹
kmfeng@ump.edu.my

Syahrina binti Ahmad²
syahrina@ump.edu.my

Jamal Rizal Razali, PhD³
jamalrizal@ump.edu.my

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang, 26300 Kuantan, Pahang

Abstrak

Dalam makalah ini, pengkaji akan melakukan analisis perbandingan antara bahasa Jepun dan bahasa Mandarin daripada aspek fonologi. Kedua-dua bahasa ini mempunyai pertalian sejarah yang panjang dan dapat ditelusuri sejak daripada zaman Dinasti Han (206 SM - 220). Secara lebih khusus, analisis tersebut bertumpu kepada persamaan dan perbezaan yang wujud dalam kedua-dua bahasa dalam proses penyebutan nombor. Perkara ini terangkum dalam kajian fonologi iaitu bidang linguistik yang mempelajari, menganalisis, dan membicarakan runtutan bunyi-bunyi bahasa (Fromkin & Rodman 1998:96). Dalam kajian ini, data diperoleh daripada rakaman dengan para pelajar penutur asli bahasa Mandarin yang mengambil kursus bahasa Jepun di Universiti Malaysia Pahang. Data tersebut dirakam dalam situasi terkawal bagi memastikannya dapat menonjolkan bunyi yang jelas dan dianalisis dengan tepat. Daripada analisis yang dilakukan, terdapat persamaan dan perbezaan bunyi yang wujud dalam kedua-dua bahasa dalam proses penyebutan nombor. Sebagai contoh, sebutan bagi nombor 1 (satu) dalam bahasa Mandarin ialah “一 (yī)”, manakala dalam bahasa Jepun ialah “一 / いち (ichi)”. Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal “i” yang sama tetapi mempunyai bunyi konsonan yang berbeza iaitu “y” dan “ch”. Daripada perspektif pemerolehan bahasa kedua dan pengajaran bahasa asing, kemahiran penyebutan atau penghasilan bunyi-bunyi sebutan (artikulasi) merupakan salah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar. Hal ini demikian kerana perbezaan sebutan akan menghasilkan makna yang berbeza. Sekiranya perkara ini wujud, maka syarat asas bagi proses komunikasi iaitu perkongsian makna tidak akan berlaku.

Kata kunci: fonologi, bahasa Jepun, bahasa Mandarin, nombor

Abstract

In this paper, the researchers will conduct a comparative analysis between Japanese and Mandarin language in terms of phonology. Both languages have a long history and relationship that can be traced back to the Han Dynasty (206 BC - 220). More specific, the analysis will be focusing on the similarities and differences between both languages in the process of numbers articulations. This context can be summarized under the phonology study which involving study, analyze, description and also the discussion about the sequence of language sounds (Fromkin & Rodman 1998: 96). In this study, data were obtained from recordings of the native speakers of Chinese students whom enrolled in Japanese language courses at Universiti Malaysia Pahang. Data is recorded in a controlled situation to ensure it captured clear and accurate sound for analysis. From the analysis, there are similarities and differences between the sound exists in both languages in the process of articulation of numbers. For example, an articulations of number 1 (one) in Mandarin is "一 (yī)", while in Japanese is "一 / い ち (ichi)". Both languages produce vocal sound "i" are the same but have different consonant sounds of "y" and "ch". From the perspective of second language acquisition and foreign language teaching, articulation skills or intonation pronunciation (articulation) is one of the important and necessary skills to master by the students. This is also indicate that the pronunciation differences will produce different meanings. If this situation occurs, the basic conditions for the communication process which is sharing the meaning of words will not occur.

Keywords: *phonology, Japanese, Mandarin, numbers*

2017 GBSE Journal

¹ **Kang Mei Feng** ialah Guru Bahasa Mandarin di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang 26600 Pekan. Bidang kajian beliau Bahasa & Linguistik. (09-424 6908/ 012-609 5138).

² **Syahrina Ahmad** ialah Guru Bahasa Jepun di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang,. Bidang kajian beliau Bahasa & Linguistik (09-424 6872/019-601 7349)

³ **Jamal Rizal Razali, PhD** ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan Bidang tujuhan beliau ialah Linguistik Kognitif, Sociolinguistik, Keterancaman Bahasa, Kenegaraan, Kemahiran Insaniah dan Warisan Pahang (09-424 6917/6805/019-932 2292).

Pengenalan

Linguistik ialah ilmu yang mengkaji bahasa. Salah satu bidang kajian dalam linguistic ialah fonologi. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010, dan rujuk juga <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=fonologi>), fonologi bermaksud kajian tentang bunyi sebutan dalam sesuatu bahasa; kata-kata daripada bahasa asing hendaklah disesuaikan dgn sistem.

Fonologi ialah ilmu bahasa yang mengupas bahasa daripada aspek penciptaan bunyi bahasa, penggunaan alat ucap serta tatacara pengucapan atau penyebutan suatu bahasa yang ditinjau daripada perspektif penutur aslinya (*native speaker*). Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (1997) dinyatakan bahwa fonologi adalah bidang dalam linguistik yang menyelidiki bunyi – bunyi bahasa menurut fungsinya. Oleh yang demikian, fonologi adalah sistem bunyi dalam sesuatu bahasa.

Fonologi terbahagi kepada dua bahagian iaitu, fonetik dan fonemik. Fonetik adalah ilmu bahasa yang mengkaji bunyi – bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat ucap manusia dan proses penghasilan bunyi-bunyi tersebut.

Manakala Fonemik pula membahas perihal bunyi – bunyi bahasa yang berfungsi sebagai pembeza makna. Perbezaan antara fonemik dan fonetik ialah, melalui fonetik kita mempelajari proses penghasilan segala bunyi yang dapat dihasilkan oleh alat-alat ucap, maka dalam fonemik kita mempelajari dan menyelidiki bunyi-bunyi yang berfungsi sebagai pembeza makna.

Secara ringkasnya, fonem yang boleh digambarkan sebagai unit bunyi bagi memperlihatkan perbezaan dari segi bahasa. Tambahan pula, perbezaan unit-unit bunyi menjadi masalah kerana akan menggantikan satu dengan lain akan mewujudkan makna yang berbeza (Fromkin et al., 2011).

Permasalahan dan Objektif Kajian

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada usaha untuk menghuraikan perbezaan dan persamaan bunyi atau artikulasi yang wujud antara bahasa Jepun dan bahasa Mandarin. Kedua-dua bahasa dipilih kerana atas dasar faktor sejarah yang menunjukkan bahawa kedua-dua bahasa mempunyai pertalian yang rapat.

Secara lebih khusus, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melakukan analisis terhadap aspek fonologi (bunyi) sebutan nombor dalam kedua-dua bahasa. Adalah diharapkan melalui analisis tersebut, perbezaan dan persamaan yang wujud dalam sebutan kedua-dua bahasa akan dapat dikenal pasti. Walau bagaimanapun, makalah ini tidak akan membahaskan aspek makna (semantik) sebutan tersebut.

Daripada perspektif kajian sosiolinguistik, hal ini termasuk di bawah topik “pertembungan bahasa” (*language contact*) (Donald Winford, rujuk <http://www.linguisticsociety.org/resource/languages-contact>). Akibat daripada pertembungan bahasa ini dapat dilihat daripada aspek bunyi (aspek fonologi), bentuk (aspek morfologi), struktur (aspek sintaksis) dan makna (aspek semantik).

Maksud “hasil” di dalam konteks ini bertumpu kepada “kesan” dan “akibat” yang dialami sama ada oleh bahasa mahupun penutur. Hal ini berlaku akibat daripada saling pengaruh antara penutur sesuatu bahasa (bahasa ibundanya) dengan bahasa baharu atau sebaliknya serta penutur masih lagi merujuk kepada kerangka pemikiran dan rujukan konsepstual budaya dan bahasa ibunda. Unsur-unsur atau pengaruh salah

satunya akan dapat dilihat muncul dalam bahasa baharu bagi penutur tersebut. Secara umumnya, akan berlaku proses peminjaman, penyerapan, penyesuaian kata terhadap keempat-empat aspek linguistic seperti dinyatakan di atas.

Sorotan Sepintas Lalu terhadap Bahasa Jepun dan Bahasa Mandarin

Fonologi dalam bahasa Jepun terdiri daripada lima fonem vokal dalam bahasa Jepun moden, iaitu / a /, / i /, / u /, / e /, / o / dan hanya mempunyai empat belas konsonan (k, s, t, n, h, m, y, r, w, g, z, d, b, p). Setiap bunyi vocal dalam bahasa ini dipanjangkan bagi membezakan fungsi sesuatu perkataan. Selain itu, bahasa Jepun tidak mempunyai perkataan-perkataan yang mempunyai tiga atau lebih konsonan dalam sesebuah perkataan (Fromkin et al., 2011).

Bagi bahasa Mandarin pula, terdiri daripada enam vokal dalam bahasa Mandarin, iaitu / a /, / o /, / e /, / i /, / u /, / ü / dan mempunyai dua puluh satu konsonan (b, p, m, f, d, t, n, l, g, k, h, j, q, x, z, c, s, zh, ch, sh, r). Setiap perkataan ada nada dan struktur nada adalah faktor asas dan sangat penting. Hal ini demikian kerana setiap suku kata mempunyai nada khusus sama ada panjang atau pendek. Dalam bahasa Mandarin terdapat dua nada iaitu nada tinggi dan rendah. Penggunaan kedua-dua nada bertujuan untuk membezakan makna sesebuah kata yang dituturkan. Berikut adalah jadual jenis nada dalam Bahasa Mandarin.

| Empat nada sebutan dalam Bahasa Mandarin | | | | |
|--|-----------|----------|-----------|------------|
| | Tone satu | Tone dua | Tone tiga | Tone empat |
| 5 (nada tinggi) | — | | | |
| 4 | | | | |
| 3 | | | | |
| 2 | | | | |
| 1 (nada rendah) | | | | |

Jadual 1 : Jenis nada dalam bahasa Mandarin (disesuaikan daripada Duanmu & Keith 2006)

Bahasa ini menggunakan empat nada sebutan khas iaitu tahap tinggi contohnya (mā 妈 - ibu), meningkat untuk contohnya (má 麻 - hem), jatuh dan kemudian semakin meningkat contohnya (mǎ 马 - kuda) dan turun nada untuk contohnya (mà 骂 - berkhutbah tentang moral). Kesalahan atau perbezaan bunyi yang dihasilkan akan menentukan makna perkataan tersebut.

Selain itu, bahasa Mandarin juga tidak mengandungi kelompok konsonan. Kebanyakan kata dalam bahasa Mandarin hanya mempunyai satu suku kata dan bunyi /n/ adalah satu-satunya konsonan yang wujud pada akhir sesebuah perkataan (Duanmu & Keith, 2006).

Manakala bagi bahasa Jepun, Pebrianawati (2013) dan Ting (2012) telah mengatakan bahawa terdapat tiga jenis tulisan iaitu kanji (漢字), hiragana (ひらがな) dan katakana (カタカナ), dicampurkan dengan Jepun. Walaupun kanji digunakan secara tetap, hiragana digunakan untuk perkataan berasal dari Jepun, dan katakana dibawa ke dalam penggunaan kata-kata asing (TheyDiffer.com, 2016).

Daripada aspek tulisan pula, kedua-dua bahasa menggunakan satu sistem tulisan ideogram kanji yang dicipta oleh orang-orang Cina kuno. Pada zaman dinasti Shang (1500 – 1000 S.M), tulisan kanji telah yang digunakan telah mengalami pelbagai penyederhanaan dan hal yang sama dilakukan oleh dinasti-dinasti berikutnya. Kemudian, huruf kanji memasuki Jepun oleh orang-orang yang dikenali sebagai *torajin* pada sekitar abad ke-5 melalui semenjung Korea.

Dalam perkembangannya di Jepun, tulisan ini turut mengalami evolusi dan penyederhanaan dan melibatkan beberapa bentuk Kanji tertentu. Tulisan kanji Jepun terbahagi kepada dua iaitu *katakana* dan *hiragana* (Andreani, 2011). Mereka menggunakan kedua-dua jenis tulisan ini sama ada secara serentak mahupun secara berasingan (Kodansha, 1989).

Hampir 30% daripada tulisan kanji (Japanese) merujuk atau menggambarkan sesuatu dalam bahasa Jepun tetapi merujuk kepada sesuatu yang berbeza di dalam bahasa Mandarin. Oleh yang demikian, anggapan bahawa kedua-dua bahasa adalah sama merupakan suatu salah faham kerana kedua-dua bahasa sudah berkembang dan maju sehingga tidak wujud saling faham antara pengguna kedua-dua bahasa tersebut. (Horie et al., 2007). Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa bahasa Mandarin mempunyai jumlah aksara kanji yang lebih besar berbanding bahasa Jepun, namun demikian didapati hamper 70 ke 80% karakter atau bentuk kanji digunakan oleh kedua-dua bahasa bagi menyatakan maksud yang sama.

Metodologi

Data bagi kajian didapatkan daripada dua kaedah iaitu kajian perpustakaan dan temubual. Bagi kajian perpustakaan, pengkaji telah mendapatkan beberapa kajian yang melakukan perbandingan antara bahasa Jepun dengan bahasa-bahasa tertentu, terutamanya bahasa Mandarin. Bacaan mendapati bahawa setiap kajian mempunyai dapatan yang khusus kerana perbandingan dibuat dengan bahasa tertentu. Setakat yang diketahui juga, belum ada kajian yang membuat perbandingan antara kedua-dua bahasa khususnya daripada aspek artikulasi sebutan nombor. Walau bagaimanapun, maklumat daripada kajian perpustakaan ini sangat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini terutamanya daripada aspek metodologi dan analisis data.

Data bagi kajian ini didapatkan daripada 10 orang pelajar yang merupakan penutur asli bahasa Mandarin dan pada masa yang sama mereka sedang mempelajari bahasa Jepun. Dalam temubual yang diadakan pada 26 Oktober 2016 ini, percakapan mereka dirakam menggunakan alat perakam suara dan dijalankan selama 2 jam dengan setiap sesi rakaman selama 1 jam.

Setelah data tersebut dikumpul, proses transkripsi dilakukan secara verbatim. Data tersebut selanjutnya dianalisis dengan membuat perbandingan sebutan dengan dua orang tenaga pengajar bahasa asing di UMP iaitu Encik Mohd Iszuani bin Mohd Hassan bagi bahasa Jepun dan Cik Yong Ying Mei bagi bahasa Mandarin pada 2 November 2016. Hasil perbandingan tersebut tidak menunjukkan sebarang percanggahan dan diperakui oleh kedua-dua tenaga pengajar sebagai tepat dan boleh dianalisis bagi tujuan mengenal pasti perbezaan dan persamaan dengan bahasa Jepun.

Analisis dan Dapatan Kajian

Analisis data dilakukan dengan membahagikan data kepada dua bahagian iaitu berdasarkan nombor ganjil (1,3,5,7 dan 9) dan nombor genap (2,4,6,8 dan 10). Hal ini demikian bagi memudahkan pemahaman pengkaji dalam proses analisis.

Analisis Berdasarkan Nombor Ganjil (1, 3, 5, 7 dan 9)

| Data Sebutan | Bahasa Jepun | Bahasa Mandarin | Dapatan |
|--------------|----------------|-----------------|--|
| 1 | いち (ichi) | 一 (yī) | Kedua-duanya menghasilkan bunyi vocal “i” yang sama tetapi mempunyai bunyi konsonan yang berbeza iaitu “y” dan “ch”. |
| 3 | さん (san) | 三 (sān) | Kedua-duanya bunyi vocal dan bunyi konsonan yang sama, hanya nada yang berbeza. |
| 5 | ご (go) | 五 (wǔ) | Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal yang berbeza iaitu “wu” dan “go” (sebutan dalam dialek Hokkien juga “go”). |
| 7 | しち (shichi) | 七 (qī) | Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal “i” yang sama tetapi mempunyai bunyi konsonan yang berbeza iaitu “q” dan “ch”. |
| 9 | きゅう (kyū) | 九 (jiǔ) | Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal “iu” yang sama tetapi mempunyai bunyi konsonan yang berbeza iaitu “j” dan “k”. |

Analisis Berdasarkan Nombor Genap (2, 3, 6, 8 dan 10)

| Data Sebutan | Bahasa Jepun | Bahasa Mandarin | Dapatan |
|--------------|--------------|-----------------|---|
| 2 | に (ni) | 二 (èr) | Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal yang berbeza iaitu “er” dan “ni”. |
| 4 | し (shi) | 四 (sì) | Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal “i” yang sama tetapi |

| | | | |
|----|---------------|------------|--|
| | | | mempunyai bunyi konsonan yang berbeza iaitu “s” dan “sh”. |
| 6 | ろく (roku) | 六 (liù) | Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal yang berbeza iaitu “liu” dan “roku”. |
| 8 | はち (hachi) | 八 (bā) | Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal yang berbeza iaitu “ba” dan “hachi”. |
| 10 | じゅう (jyû) | 十 (shí) | Kedua-dua bahasa menghasilkan bunyi vocal yang berbeza iaitu “shi” dan “jyu”. |

Perbincangan dan Rumusan Kajian

| Nombor | Bahasa Mandarin | Bahasa Jepun | Rumusan kajian |
|--------|-----------------|--------------|--|
| 1 | yī 一 | ichi いち | Vocal sama, konsonan berbeza |
| 2 | èr 二 | ni に | Vocal berbeza, konsonan berbeza |
| 3 | sān 三 | san さん | Vocal dan konsonan sama |
| 4 | sì 四 | shi し | Vocal sama, satu konsonan sama, satu konsonan berbeza |
| 5 | wǔ 五 | go ご | Vocal dan konsonan berbeza |
| 6 | liù 六 | roku ろく | Konsonan berbeza, satu vocal sama dan satu vocal berbeza |
| 7 | qī 七 | shichi しち | Vocal sama, konsonan berbeza |
| 8 | bā 八 | hachi はち | Satu vocal sama , satu vocal berbeza, konsonan berbeza |
| 9 | jiǔ 九 | kyû きゅう | Dua vocal sama konsonan berbeza |
| 10 | shí 十 | jyû じゅう | Vocal dan konsonan berbeza |

Daripada analisis yang dilakukan, didapati wujud persamaan dan perbezaan bunyi dalam artikulasi nombor dalam kedua-dua bahasa. Persamaan dan perbezaan tersebut dapat diperincikan lagi kepada:

- a. Kedua-duanya mempunyai persamaan vokal
- b. Kedua-duanya mempunyai persamaan konsonan

- c. Kedua-duanya mempunyai perbezaan vokal
- d. Kedua-duanya mempunyai perbezaan konsonan
- e. Kedua-duanya mempunyai persamaan vokal tetapi berbeza konsonan
- f. Kedua-duanya mempunyai persamaan konsonan tetapi berbeza vokal

Seperti yang dinyatakan pada bahagian awal tadi, perbezaan bunyi antara kedua-dua bahasa turut melibatkan kadar nada yang digunakan (panjang atau pendek). Hal ini lebih ketara wujud dalam bahasa Mandarin berbanding bahasa Jepun.

Kesimpulan

Daripada perspektif pemerolehan bahasa kedua dan pengajaran bahasa asing, kemahiran penyebutan atau penghasilan bunyi-bunyi sebutan (artikulasi) merupakan salah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar. Hal ini demikian bagi mengelakkan salah faham kerana falsafah dan makna antara dua buah bahasa biasanya sangat dipengaruhi oleh latar belakang budaya, masa dan penggunaannya.

Dalam konteks artikulasi nombor dalam bahasa Jepun dan bahasa Mandarin, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Perbezaan dan persamaan ini perlu disedari dan diketahui oleh para pelajar dan juga penutur kedua-dua bahasa. Kemampuan menghasilkan bunyi-bunyi yang berbeza serta memahami makna yang dibawa oleh bunyi-bunyi tersebut akan membantu seseorang menguasai bahasa asing. Hal ini bagi membolehkan mereka berkomunikasi dengan cekap dalam bahasa asing. Daripada perspektif pelajar dan kebolehpasaran graduan, kemahiran berbahasa asing atau bahasa ketiga merupakan satu nilai tambah kepada mereka bagi memastikan mereka dapat bersaing dalam pasaran tenaga kerja tempatan mahupun global.

Bibliografi

- Abdullah, R. B. (2015). *Penyerapan Bahasa dalam Pertembungan Budaya : Kesalingan Pinjam Meminjam dalam kalangan Tiga Kelompok Masyarakat di Singapura*, 137–161.
- Ahmad, Z., Jalaluddin, N. H., & Mislani, N. F. M. (2011). *Fonologi Kata Pinjaman Sanskrit dan Teori Optimaliti*. *Jurnal Linguistik*, Jilid 12(Mac : Edisi Khas), 1–22.
- Andreani, Z. (2011). Perbezaan orang China, Jepang dan Korea, pp. 52–54.
- Duanmu, S., & Keith, B. (2006). Chinese (Mandarin): Phonology. *Encyclopedia of Language & Linguistics*, (February), 351–355.
- Ellen Nakamizu. 2003. *Language Contact Between Japanese and Portugis : Function of Code Switching for Brazilian Living in Japan* in BJPS 2003 (73-91).
- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N. (2011). *An Introduction to Language*. Wadsworth.

- Horie, K., Kim, J., & Tamaji, M. (2007). Where Japanese contrasts with Korean and Mandarin Chinese. *Goyoron Kenkyuu (Studies in Pragmatics)*, 9(Martin 1991), 1–16.
- Jamal Rizal Razali. 1998. *Amalan Berkomunikasi dalam Masyarakat Tutur : Kajian Laras Bahasa di LKTP Kechau Pahang*. (tesis Sarjana USM tidak diterbitkan).
- Kamus Dewan*. 2010. KL : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. 1997. Jakarta : DEPDIKBUD.
- Koentjaraningrat. (2009). *Pengantar Ilmu Antropologi*. Jakarta: Rineka Cipta
- Kodansha. (1989). Analisis Kanji Bahasa Jepang Dan China - Repository Maranatha, 1–8.
- Lyons, John. 1981. *Language and Linguistics: An Introduction*. Cambridge University Press.
- Nik, S., & Naziman, M. (2014). *Debukalisasi kata pinjaman bahasa inggeris dalam dialek kelantan*, 272–288.
- Noriah Mohamed. (2003). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik*. KL : Utusan Melayu Publications.
- Nuswantoro, U. D. (2011). *Pembentukan Kata Pinjaman (Gairaigo) Dalam Bahasa Jepang*, 152–171.
- Othman, N.N. (2012). *Definisi Istilah*. Retrieved from <https://nurulainadiah.wordpress.com/page/2/>
- Pebrianwati, H. (2013). Analisis Kanji Bahasa Jepang Dan China - Repository Maranatha.
- Pustaka, D. B. dan. (2014). *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 212.
- TheyDiffer.com. (2016). Difference between Chinese and Japanese Languages Published.
- Ting, Y. H., & Bond, F. (2012). Comparing Classifier use in Chinese and Japanese, 264–271.
- Wardhaugh, R. (1995). *An Introduction to Sociolinguistics (Second Edition)*. USA : Blackwell.
- <http://www.linguisticsociety.org/resource/languages-contact>
<https://nurulainadiah.wordpress.com/page/2/>
<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=fonologi>

Wawancara

Mohd Iszuani bin Mohd Hassan. UMP. 2 November 2016

Yong Ying Mei. UMP. 2 November 2016

Para pelajar UHF Jepun dan UHF Mandarin Semester 1 Sesi 2016/2017

Penulis



¹ **Kang Mei Feng** ialah Guru Bahasa Mandarin di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang 26600 Pekan. Bidang kajian beliau Bahasa & Linguistik. (09-424 6908/ 012-609 5138).



² **Syahrina Ahmad** ialah Guru Bahasa Jepun di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang,. Bidang kajian beliau Bahasa & Linguistik (09-424 6872/019-601 7349)



³ **Jamal Rizal Razali, PhD** ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan

Bidang tujuhan beliau ialah Linguistik Kognitif, Sociolinguistik, Keterancaman Bahasa, Kenegaraan, Kemahiran Insaniah dan Warisan Pahang (09-424 6917/6805/019-932 2292).